

14 DEC 1999

Najib-Tentera

NAJIB BERAZAM JADIKAN ATM TERUS MANTAP DAN PROFESIONAL

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak berazam memantapkan lagi kemampuan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sebagai angkatan yang berkeupayaan dengan tahap profesionalisme yang tinggi dalam semua aspek.

"Saya ingin melihat Angkatan Tentera Malaysia dibangunkan sebagai angkatan yang berkaliber, mempunyai keupayaan moden, profesional dan mampu menyenggarakan sistem secara menyeluruh," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menerima penyerahan tugas daripada bekas Menteri Pertahanan Datuk Abang Abu Bakar Mustapha di Kementerian Pertahanan di sini hari ini.

Sejurus selepas tiba di kementerian itu, Najib memeriksa perbarisan kehormatan 106 anggota Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) yang diketuai Mejar Hamdan Musa.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Shafie Apdal dan Panglima ATM Tan Sri Mohd Zahidi Zainuddin.

Najib berkata, anggota ATM perlu menguasai segala bidang yang berkaitan dengan teknologi maklumat bagi memenuhi hasrat menjadikan ATM memiliki tahap profesional serta berkemampuan tinggi.

Beliau turut berhasrat untuk menumpukan kepada perkara berkaitan kebajikan serta perumahan anggota ATM yang dimulakannya ketika menjadi Menteri Pertahanan dahulu selain meneruskan dasar-dasar ketenteraan terutamanya peranan ATM di peringkat serantau serta di bawah misi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Najib sebelum ini telah menerajui Kementerian Pertahanan pada 1990 sehingga 1995 sebelum ditukarkan ke Kementerian Pendidikan. Beliau dilantik ke Kementerian Pertahanan semula dalam Kabinet baru yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Jumaat lepas.

-- BERNAMA

RZS NMO